

Penguat kuasa DBKL lapor polis

Penjaja tanpa lesen didakwa bertindak agresif, tolak anggota

Oleh Safeek Affendy Razali dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menjalankan siasatan lanjut dan mengambil keterangan daripada semua anggota yang terbabit dalam insiden membabitkan tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja belon tanpa lesen di kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) malam kelmarin.

Katanya, satu laporan polis sudah dibuat oleh penguat kuasa yang terbabit dalam kejadian berkenaan.

“Sekiranya perlu, DBKL juga akan meneliti penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) dalam tindakan penguatkuasaan bagi memastikan sebarang perkara tidak diingini dapat dielak-

kan,” katanya.

DBKL menegaskan, tindakan penguatkuasaan ini dilaksanakan tanpa mengambil kira sebarang latar belakang kaum, sebaliknya berdasarkan peraturan.

DBKL akan memberikan teguran terlebih dahulu kepada mana-mana peniaga tanpa lesen yang berniaga di Jalan TAR sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan diambil.

“Penjaja tanpa lesen lain sudah memberikan kerjasama dan beredar dari kawasan terbabit. Namun begitu, seorang penjaja belon enggan mematuhi arahan dan terus berniaga seperti biasa walaupun sudah diberi teguran sebanyak dua kali.

“Ketika teguran ketiga diberikan, penjaja belon itu bertindak agresif dan berlaku sentuhan fizikal apabila beliau menolak petugas penguat kuasa yang sedang menjalankan tugas,” katanya.

Bagi mengelak keadaan menjadi lebih tegang dan menghalang kemungkinan insiden yang lebih serius, katanya, anggota penguat kuasa berpakaian preman bertindak menenangkan dan memisahkan penjaja terbabit dari-



Tangkap layar rakaman video tular kekecohan di Jalan Tunku Abdul Rahman, malam kelmarin.

pada terus mengasari petugas penguat kuasa.

“Situasi menjadi tegang apabila beberapa penjaja lain cuba campur tangan, namun keadaan berjaya dikawal dan ditenangkan tidak lama kemudian. Tiada kecederaan dilaporkan dalam kejadian ini.

“Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang menjalankan perniagaan tanpa lesen sah serta mengganggu ketenteraman awam,” katanya.

Halang pergerakan

Katanya, kehadiran mereka menghalang pergerakan orang ramai dan menyebabkan kesesakan, terutama ketika musim persiapan Aidilfitri yang menyaksikan kehadiran pengunjung yang terlalu ramai.

“Kawasan Jalan TAR lokasi tumpuan ramai, lebih-lebih lagi untuk membuat persiapan akhir menyambut Syawal dan DBKL bertanggungjawab memastikan keselamatan, kelancaran perge-

rakan orang awam serta pema-tuan terhadap peraturan yang ditetapkan,” katanya.

Sehubungan itu, DBKL memohon kerjasama semua pihak menghentikan hebahan sentimen serta spekulasi negatif dan tidak bertanggjawab yang boleh mengeruhkan keadaan, selain turut menggesa agar peraturan yang ditetapkan dipatuhi.

Suasana sekitar Jalan Tunku Abdul Rahman, di sini, malam kelmarin, kecoh selepas berlaku perselisihan di antara penguat kuasa DBKL dan penjual barangan tanpa lesen.

Berdasarkan dua rakaman video yang tular di media sosial sejak awal pagi semalam, berlaku tolak-menolak di antara pegawai penguat kuasa DBKL berpakaian seragam dan kumpulan peniaga.

Difahamkan, kekecohan mula berlaku selepas pihak berkuasa mengambil tindakan merampas barang jualan daripada beberapa individu termasuk penjual belon.

Ketika rampasan hendak dilakukan, penjual terbabit dilihat enggan menyerahkan puluhan belon yang dibawanya sebelum berlaku pergelutan.